

WABAK COVID-19 MERAGUT NYAWA: CABARAN DAN KESAN KEPADA MASYARAKAT

Nurhaziqah Hishamudin, Khazri Osman, Adawiyah Ismail
Universiti Kebangsaan Malaysia
nurhaziqah707@gmail.com

Abstract: *Recently there has been a lot of news of Covid-19 transmission claiming many lives regardless of old or young age, healthy or sick. Every day, the number of Covid patients is increasing with alarming numbers so that related to the family is fading, society is losing guidance, society is more selfish and so on. Among the problems that exist is that the community is not aware of the situation and a light view of the spread of the Covid-19 epidemic. In addition, there is also a bureaucracy that brings information and understanding to the community. In addition, there is an increase in the mental health problems of the community that need to be confined for a long time. Therefore, this study was conducted to identify the challenges and impacts faced by the compilation community of seeing the Covid-19 outbreak that claimed many lives of nearby people. This study is a qualitative study with content analysis design. The results of the study are found in the challenges in facing the Covid-19 epidemic problems in terms of religious, social, economic, political, educational and industrial sectors. In addition, this study also conducted the impact faced by the community in dealing with the problem of Covid-19 epidemic related in terms of emotional, physical, spiritual, physical, moral, appreciation of knowledge and the boundaries of normal relationships. The implications of this study can provide awareness to the community to become a community that is concerned with the current problems and issues occurring in the country for the total number of deaths due to the Covid-19 epidemic.*

Keywords: Covid 19, life, challenge, impact, community

Abstrak: *Kebelakangan ini tersebar banyak berita penularan Covid-19 meragut banyak nyawa tanpa mengira usia tua atau muda, sihat atau sakit. Saban hari kes penularan menyebabkan bilangan pesakit Covid semakin meningkat dengan angka yang membimbangkan hingga menyebabkan hubungan kekeluargaan semakin luntur, masyarakat semakin hilang pedoman, masyarakat lebih pentingkan diri sendiri dan sebagainya. Antara permasalahan yang wujud adalah masyarakat tidak bernalar dengan keadaan sekeliling dan memandang ringan terhadap penyebaran wabak Covid-19. Selain itu, wujud juga kenebab birokrasi yang menyebabkan maklumat kurang sampai dan difahami dengan sebaiknya kepada masyarakat. Di samping itu, berlaku peningkatan kes masalah kesihatan mental masyarakat yang perlu berkekangan dengan tempoh waktu yang lama. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti cabaran dan kesan yang dihadapi oleh masyarakat ketika menghadapi wabak Covid-19 yang banyak meragut nyawa orang-orang sekeliling. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Hasil kajian mendapati terdapat cabaran dalam mendepani wabak Covid-19 iaitu cabaran dari segi agama, sosial, ekonomi, politik, pendidikan dan sektor perindustrian. Selain itu, kajian ini turut mendapati kesan yang dihadapi oleh masyarakat dalam menghadapi situasi wabak Covid-19 iaitu dari segi emosi, fizikal, rohani, jasmani, akhlak, penghayatan ilmu dan perbatasan hubungan antarabangsa secara normal. Implikasi kajian ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat agar menjadi masyarakat yang prihatin dengan situasi serta isu semasa yang berlaku di negara bagi mengurangkan kadar jumlah kematian disebabkan oleh wabak Covid-19 ini.*

Kata kunci: Covid 19, nyawa, cabaran, kesan, masyarakat

Pendahuluan

Dunia telah berubah secara mendadak sejak Januari 2020. Bencana yang jarang berlaku, pandemik koronavirus COVID-19, telah mengakibatkan sejumlah besar nyawa manusia hilang secara tragis di peringkat global. Ketika kebanyakan negara menerapkan kaedah kuarantin dan mempraktikkan penjarakan sosial yang

diperlukan untuk memutuskan rantai COVID-19, dunia telah dimasukkan ke dalam suatu tempoh yang dinamakan sebagai Penyekatan Besar-besaran (The Great Lockdown). Pembantutan dalam kebanyakan aktiviti manusia dalam skala yang besar dan laju seperti hari ini tidak pernah dialami dalam sejarah peradaban manusia. Krisis Great Lockdown yang melanda dunia pada ketika ini merupakan krisis yang buruk dan memberikan kesan berantai pada sektor kesihatan, ekonomi, sosial dan politik. (Asyraf Salleh. 2020)

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan semenjak Fasa 1 oleh kerajaan Malaysia pada 18 Mac 2020 yang lalu sehingga kini telah menyebabkan pelbagai sektor ekonomi mahupun pendidikan terjejas dan tidak dapat beroperasi seperti biasa. PKP yang telah dilaksanakan itu telah memberikan implikasi terhadap penutupan institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti demi membendung penularan wabak Coronavirus (COVID-19) daripada terus menular dalam kalangan masyarakat sehingga akhirnya mampu menjangkiti mereka. (Azman, 2021)

Pengenalan

1. COVID-19

Coronavirus (COVID-19) adalah penyakit berjangkit yang berpunca daripada virus *corona* yang baru ditemui. Kes pertama yang dilaporkan adalah pada Disember 2019 di Wuhan, China. COVID-19 menyerang manusia dalam cara yang berbeza. Simptom-simptom virus ini adalah seperti demam, batuk kering dan keletihan. Bagi warga emas, kanak-kanak dan pengidap penyakit kritikal seperti masalah jantung, diabetes, masalah pernafasan yang kronik, dan kanser adalah berisiko tinggi untuk terkena jangkitan. Simptom serius adalah seperti sukar bernafas atau nafas pendek, sakit dada atau terasa tertekan di bahagian dada dan pergerakan yang terhad. (UPM, 2020)

COVID-19 berjangkit melalui transmisi zarah pernafasan manusia dan sentuhan. Apabila berada dalam jarak yang dekat dengan pesakit yang mempunyai simptom, transmisi zarah akan mudah berlaku apabila mulut dan hidung mereka terdedah. Transmisi zarah juga akan mudah berlaku dikawasan sekeliling pesakit. (UPM, 2020)

Secara umumnya, *Coronavirus* (CoV) adalah suatu keluarga besar virus yang menyebabkan pelbagai jenis penyakit yang meliputi demam selesema sehinggalah penyakit serius seperti Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus (SARS) dan Middle East Respiratory Coronavirus (MERS-CoV). Coronavirus baharu iaitu Novel Coronavirus (2019-nCoV) adalah mana-mana strain baharu virus tersebut yang sebelum ini tidak pernah dikenal pasti atau dikesan pada badan manusia (Zulkifli, 2020).

2. Pandemik

Pandemik merujuk kepada wabak yang merebak secara besar-besaran ke seantero dunia merentasi wilayah dan melibatkan populasi yang besar. Salah satu ciri pandemik adalah melibatkan penyakit yang mempunyai kadar serangan yang tinggi sehingga menyebabkan bilangan kes meledak secara tiba-tiba dalam masa yang singkat. Biasanya, penyakit yang menyebabkan pandemik adalah penyakit baru (novel) yang mana populasi manusia tidak mempunyai imuniti atau daya tahan melawan terhadap

penyakit tersebut. Ciri tersebut memudahkan penyakit itu merebak dengan pantas dan boleh menyebabkan kadar kematian yang tinggi (Meen, 2020).

Metodologi Kajian

Penulisan ini akan menghuraikan tentang beberapa aspek yang berkaitan dengan cabaran dan kesan yang berlaku kepada masyarakat mengenai penularan wabak Covid-19. Aspek itu dikenal pasti melalui artikel, buku-buku ilmiah dan laman web tertentu di laman sesawang. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti bagaimana masyarakat meneruskan kehidupan ketika negara dilanda wabak yang agak dasyat sehingga data kematian meningkat. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan.

Analisis kandungan merupakan langkah asas yang dilaksanakan oleh pengkaji. Analisis kandungan ini sebenarnya merujuk kepada penjelasan secara objektif dan sistematik terhadap maklumat-maklumat yang wujud secara tersurat. Ia boleh didapati melalui penelitian terhadap literasi kepustakaan, literasi kesusasteraan, manuskrip dan juga gambar. Kandungan teks merujuk kepada perkataan, maksud, idea, atau apa sahaja yang telah dikomunikasikan. Pemilihan teks seharusnya mengambil kira teori dan suasana yang mendorong kepada pemilihan teks. (Munawar, 2017). Tatacara menganalisis data kandungan mempunyai tiga langkah iaitu mengenalpasti konsep yang dikehendaki daripada satu-satu set dokumentasi. Kedua, menghuraikan secara terperinci terhadap konsep-konsep yang telah dikenal pasti. Yang ketiga adalah memberi tumpuan kepada makna atau kemanfaatan dan signifikan hubungan. (Munawar, 2017)

Cabaran Yang Dihadapi Oleh Masyarakat Ketika Menghadapi Wabak Covid-19

1. Agama

Penyebaran virus COVID-19 telah mencetuskan pelbagai polemik dan persoalan dalam kalangan masyarakat. Terutamanya dalam isu agama seperti hukum solat Jumaat, solat dalam keadaan jarak secara berjemaah, hukum mengambil vaksin dan sebagainya turut diutarakan pendapat dalam kalangan para ulama.

Dalam masa yang sama, sebagai langkah pencegahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam kenyataan akhbar bertarikh 11 Mac 2020 menggesa agar semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai *mass gathering* ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19 berlaku. Ini kerana jika dibiarkan berlakunya perhimpunan beramai-ramai walaupun apa jua tujuan termasuklah solat Jemaah, maka ia sangat berisiko untuk membawa kepada kemudaratatan dan kebinasaan, sedangkan prinsip Islam ialah menolak kemudaratatan berdasarkan kaedah-kaedah fiqh (Mufti Wilayah, 2020):

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya: "Tidak boleh mudarat dan tidak boleh memudaratkan."

(Riwayat Ibn Majah no. 2341)

Menjadi sunnatullah agar kita terus berusaha dan mencari sebab bagi melaksanakan sesuatu atau mengenal sebarang bentuk penyakit seterusnya dengan itu dapat mencari ramuan serta rawatan untuk penyakit tersebut. Benarlah hadith Nabi SAW Daripada Abi al-Darda' RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً، فَتَدَاوُوا، وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah SWT menurunkan penyakit dan penawarnya. Dia jadikan setiap penyakit ada penawarnya. Maka hendaklah kamu berusaha merawat tetapi jangan merawat dengan bahan yang haram.”

(Riwayat Abu Daud, no. 3874)

Syeikh Ali al-Qaradaghi, Setiausaha Kesatuan Ulama Islam Sedunia turut mengeluarkan kenyataan yang antaranya menyebut bahawa harus untuk meninggalkan solat Jumaat dan solat berjemaah dalam keadaan virus yang sedang tersebar disebabkan oleh takut dijangkiti virus tersebut. Beliau menyebut keharusan tersebut perlulah dengan syarat bahawa ketakutan penyebaran itu benar-benar yakin berlaku dan bukanlah pada sangkaan semata mata. (Zulkifli, 2020). Dan ketakutan itu ada tiga jenis. Iaitu takut ke atas diri sendiri, takut ke atas harta benda, dan juga takut ke atas ahli keluarga. Justeru, berdasarkan apa yang telah disebutkan, maka dibolehkan untuk meninggalkan solat Jumaat dan juga solat berjemaah ketika tersebarnya wabak (seperti COVID-19) kerana ia merupakan suatu yang mendatangkan ketakutan. (Mufti Wilayah, 2020)

2. Sosial

Setiap kes yang dikhabarkan di media sosial dapat kita lihat bahawa masyarakat kini mudah untuk menuding jari tanpa melihat kepada siapa yang dituding tersebut. Malah ada segelintir masyarakat yang merendahkan martabat institusi raja di Malaysia. Mereka menuding jari kepada mereka yang tidak mengikut arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan sehinggakan timbulnya kluster yang amat merisaukan. Mereka melanggar arahan inilah yang mencetuskan perbalahan antara masyarakat sehingga hilang adab dan maruah hanya kerana tidak berpuas hati dengan segolongan pihak.

Tambahan pula ada juga segelintir netizen yang menyerang pihak berkuasa melalui media sosial seperti twitter, Facebook dan sebagainya dengan menyebarkan fitnah dan menyebabkan rakyat yang tidak mengetahui mengenai perkara tersebut mengikut tanpa usul periksa. Ini boleh mencetuskan perbalahan yang tidak membawa keharmonian kepada negara. Lebih memburukkan lagi keadaan, ada segelintir anak muda yang membuat statement mahupun penulisan yang berunsurkan fitnah dan sebagainya untuk memecahbelahkan pelbagai pihak dengan kata-kata yang tidak sepatutnya.

Tidak cukup isu sebegini, timbul pula isu yang menjatuhkan autoriti agama Islam dan Raja itu sendiri. Perkara ini boleh memburukkan lagi identiti negara Malaysia malah boleh menjatuhkan nama agama suci iaitu agama Islam itu sendiri. Bagi mereka, luahan di media sosial dapat membuka mata pihak berkuasa untuk lebih proaktif dan cakna dan sebagainya namun dari sudut lainnya ia mengkhakis akhlak dan moral seseorang itu.

3. Kekeluargaan

Bermula Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 pada tahun 2020 telah berlaku banyak isu yang menyebabkan ramai keluarga yang tidak bertemu antara satu sama lain kerana perintah yang dikeluarkan oleh kerajaan tidak membenarkan seluruh masyarakat di Malaysia untuk merentas negeri mahupun daerah sesuka hari. Hal ini demikian kerana, wabak yang tersebar ini memungkinkan jangka hayat warga emas tidak lama dek kerana tindakan segolongan mereka yang tidak prihatin akan prosedur yang betul untuk menemui keluarga mereka. Contohnya, sentiasa cakna dengan arahan yang diberikan dan sentiasa berwaspada dengan keselamatan diri sendiri supaya dijauhkan dengan virus yang jelas tidak boleh lihat dengan mata kasar.

Bagi institusi keluarga yang mempunyai ahli keluarganya yang bertugas sebagai barisan hadapan sangat mempunyai risiko yang besar kerana setiap hari mereka akan berhadapan dengan virus yang tidak kelihatan membuatkan mereka perlu teliti dengan segenap gerak geri supaya tidak tersebar kepada ahli keluarga mereka. Mereka yang bertugas di hospital juga tidak boleh terus bersama keluarga sebelum membersihkan diri terlebih dahulu dan ia menyebabkan hubungan kekeluargaan tidak seperti sedia kala. Sama seperti mereka yang bekerja di luar daerah yang tidak boleh kembali ke pangkuan keluarga kerana mematuhi arahan pihak berkuasa supaya tidak merentas negeri ketika dalam Perintah Kawalan Pergerakan. Yang lagi menyedihkan ada juga anak-anak yang tidak bertemu dengan ibu bapa setahun lamanya sejak daripada Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 pada tahun yang lalu.

Menurut Sinar Harian Online (2021), mengatakan gelombang baru wabak Covid-19 ini tidak boleh dibuat gurauan kerana kematian berlaku pada bila-bila masa sahaja sekiranya semua pihak tidak cakna dengan SOP dan sebagainya yang telah ditetapkan. Lagi menyedihkan sekiranya kematian itu dilalui oleh keluarga terdekat kita yang tidak dapat dilawati dan dikunjungi walaupun dalam jangka masa yang sekejap kerana merisaukan wabak itu terus merebak tanpa sedar. Disebabkan itu juga ia boleh menjauhkan hubungan kekeluargaan yang telah lama tidak bertemu. Namun begitu, pelbagai usaha yang boleh dilakukan supaya tetap berhubungan walaupun dalam jarak yang jauh seperti melakukan video call dan sebagainya.

4. Ekonomi

Pemulihan ekonomi akibat daripada pandemik COVID-19 merupakan cabaran besar kepada seluruh dunia. Pandemik ini bukan sahaja memberi kesan kepada kesihatan dan kehidupan masyarakat, malahan turut merencatkan pertumbuhan ekonomi global yang dikatakan jauh lebih mencabar berbanding *The Great Depression* pada 1930-an. Ini merupakan situasi yang belum pernah dilalui oleh dunia sebelum ini. (PNMB, 2021)

Sektor ekonomi adalah antara sektor yang terpenting untuk dibangunkan dalam setiap negara. Negara akan menjadi semakin mundur daripada pelbagai bidang kerana sistem kewangan menjadi kurang stabil disebabkan kegiatan ekonomi tidak dapat dirancakkan seperti sedia kala. Hal ini demikian kerana, berlakunya penularan wabak COVID-19 ini masyarakat tidak dapat melakukan rutin harian seperti biasa dan sehingga kini dapat dibaikpulih semula disebabkan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa secara teliti dan sistematik.

Pandemik ini memberikan cabaran lebih besar kepada Malaysia yang mengamalkan ekonomi perdagangan. Cabaran bukan sahaja dari segi pertumbuhan ekonomi global yang perlahan dan harga komoditi yang tidak menentu, malah negara

juga menyaksikan peralihan tampuk pemerintahan. Susulan peningkatan kes COVID-19, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) pada 11 Mac 2020 untuk merangka langkah jangka masa pendek dan sederhana bagi melindungi nyawa dan kehidupan. Majlis yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri ini dianggotai oleh menteri berkaitan ekonomi, pegawai tinggi sektor awam dan pemimpin industri. (PNMB, 2021)

5. Politik

Pada awal berlakunya penularan wabak ini, ramai yang tidak mengambil perhatian mengenainya kerana disebabkan faktor lokasi yang jauh dari mereka. Segelintir masyarakat berpendapat bahawa berita yang didengari tidak merebak ke tempat mereka. Walaupun ada segelintir masyarakat yang prihatin namun ianya bersifat sementara sahaja sehinggalah wabak ini berlaku kepada mereka sendiri dan meragut nyawa orang-orang yang tersayang. Menurut Berita Harian Online (2021), masih ramai lagi masyarakat di Malaysia pentingkan diri sendiri tidak mahu mematuhi arahan yang dikeluarkan apatah lagi memakai pelitup muka dan mengamalkan penggunaan *hand sanitizer*.

Ada juga dalam kalangan mereka yang menjalankan ujian swab test tetapi tidak menceritakan sejarah perjalanan mereka dengan jujur yang boleh mengakibatkan orang lain dijangkiti tanpa sedar. Hal ini disebabkan kerana mereka tidak ingin dilihat sebagai orang yang bergejala atau disebut sebagai pembawa virus sedangkan jika mereka berlaku jujur mengenai sejarah perjalanan dan sebagainya, mereka dapat menyelamatkan nyawa ramai orang sekeliling dengan yang mengasingkan diri di rumah.

Menurut My Metro (2020), Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah tidak menolak kemungkinan Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah menyumbang kepada gelombang ketiga penularan Covid-19. Penganjuran PRN itu dilihat menyumbang kepada penularan kes apabila ada pihak yang tidak patuh prosedur operasi standard (SOP).

Penganjuran PRN itu dilihat menyumbang kepada penularan kes apabila ada pihak yang tidak patuh prosedur operasi standard (SOP). Kes tersebut berlaku disebabkan sikap kurang prihatin segolongan pihak yang mementingkan kuasa berbanding dengan nyawa. Hal ini kerana penularan itu berlaku merebak ke seluruh negeri Sabah dan meragut banyak nyawa rakyat di Sabah. Tambahan pula, kes yang meningkat menjadikan tugas para barisan hadapan juga meningkat untuk membantu mereka yang positif Covid-19 ini. Jika ada dalam kalangan mereka mengatakan pilihanraya tersebut lebih penting dari nyawa, sejauh manakah pihak yang terlibat mengikut arahan dan SOP yang telah ditetapkan. Malahan hal ini dapat dibendung sekiranya semua pihak cakna dengan keadaan sekeliling dan berhati-hati dalam setiap tindakan yang diambil. Namun begitu syukur, pihak berkuasa mengisytiharkan darurat bagi proses pilihanraya bagi mengelak penularan berlaku begitu rancak. Sehingga hari ini kes mula menurun dan rakyat masih perlu berhati-hati agar perkara sebegini tidak berlaku sekali lagi.

6. Pendidikan

Berikutan berlakunya pandemik COVID-19 pada tahun 2020, Kerajaan telah mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Akibatnya, semua institusi

pendidikan ditutup, termasuk Institusi Pendidikan seperti universiti, Sekolah Agama rendah atau menengah, Institusi Tahfiz dan Pondok, termasuk Kelas-Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Demi memastikan proses PdP dapat diteruskan agar para pelajar tidak ketinggalan mendapat Pendidikan, maka Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) diwujudkan. PdPR ialah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. (Forum Murabbi, 2021)

Dalam melaksanakan PdPR, inilah cabaran besar kepada mereka yang bergelar sebagai guru, ustaz, ustazah, pelajar dan ibu bapa berlaku. Semua cabaran itu timbul tanpa diduga oleh manusia dan tidak pernah dilalui oleh kita masyarakat Islam di Malaysia. Maka sudah tentu pelbagai kesulitan dan dugaan terpaksa dihadapi oleh semua pihak yang terlibat dalam proses *ta'lim, tadris, tahfiz, talaqqi, ta'dib, irshad dan tarbiyah*. (Forum Murabbi, 2021)

Aktiviti pembelajaran bukanlah suatu yang mudah untuk diteruskan dalam keadaan pandemic. Tambahan pula, pelajar perlu belajar dari rumah dan perlu sediakan peralatan elektronik seperti laptop, telefon pintar, *wifi* atau rangkaian internet yang laju untuk meneruskan pembelajaran secara dalam talian. Bagi mereka yang mampu, penyediaan peralatan sebegini tidak menjadi masalah namun tidak bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman dan menghadapi masalah kewangan yang mendesakkan kehidupan seharian mereka. Kesannya, masyarakat tidak mendapat pendidikan yang sewajarnya seperti mereka yang lain.

7. Sektor perindustrian.

Segala bidang seperti pendidikan, kesihatan, perindustrian, pertanian, perniagaan, perbankan, pelaburan dan perkhidmatan awam di Malaysia perlu digerakkan dengan lebih dinamik lagi di era pandemik wabak COVID-19 ini. Menurut Kementerian Kewangan Malaysia, di bawah pakej rangsangan ekonomi yang diperkenalkan ketika penularan wabak, hampir RM1 bilion telah diperuntukkan bagi menggalakkan penggunaan teknologi dan digital oleh perusahaan kecil sederhana. Di samping itu, pakej ini berupaya menyemai inovasi digital dalam syarikat pemula niaga yang menjadi sebahagian usaha bagi memastikan mereka bersedia serta berdaya saing dalam era Revolusi Perindustrian Keempat (Firkhan Ali, 2021)

Sektor perindustrian banyak memberi impak kepada kemajian negara untuk bersaing dengan negara maju yang lain. Sekiranya sektor ini tidak diteruskan seperti sediakala, negara akan semakin mundur. Oleh yang demikian, pelbagai cara yang diusahakan oleh pihak yang terlibat untuk terus bergiat walaupun COVID-19 melanda dunia dengan peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

Bagi negara seperti Malaysia terdapat beberapa cabaran yang perlu ditempuhi dalam melaksanakan Revolusi Perindustrian Keempat ini seperti penyediaan prasarana digital dan Internet perlu dipertingkatkan kapasiti dan luas jangkauan capaiannya terutama ke kawasan-kawasan terpencil. Cabaran yang seterusnya ialah penyediaan aplikasi digital tempatan berasaskan IR 4.0 yang mengambil kira norma tempatan dan semasa. Pelaburan dalam teknologi maklumat dan digital terkini yang mendukung pendekatan IR 4.0 seperti teknologi rantai blok, pengkomputeran awan, kecerdasan buatan, data raya, pembelajaran mesin dan lain-lain. Cabaran seterusnya ialah keselamatan siber dan kerahsiaan data peribadi yang mana perlu menjadi keutamaan pelaksanaan IR 4.0 ini. Kesemua cabaran tersebut akan

menjurus kepada cabaran yang berikutnya iaitu penyediaan modal kewangan dan modal insan dalam pembangunan transformasi digital dan Revolusi Perindustrian Keempat ini (Firkhan Ali, 2021)

Kesan Kehidupan Selepas Berlakunya Penularan Wabak Covid-19

Kajian ini turut mendapati kesan yang dihadapi oleh masyarakat dalam menghadapi situasi wabak Covid-19 iaitu dari segi emosi, fizikal, rohani, jasmani, akhlak, penghayatan ilmu dan perbatasan hubungan antarabangsa secara normal.

1. Emosi

Sepanjang pandemik COVID-19, terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlaku, masyarakat sememangnya terkesan dari segi emosi dan kesihatan mental. Tekanan tidak hanya dialami oleh kakitangan di sektor awam dan petugas kesihatan atau frontliners, tetapi tekanan turut dirasai oleh golongan lain dalam kalangan masyarakat (KKM, 2021).

Umum mengetahui bahawa, mereka yang diuji dengan penyakit COVID-19 perlu menghadapi saat-saat getir kerana mereka tidak akan tahu bahawa penyakit tersebut akan sembuh ataupun tidak. Sekiranya keadaan pesakit COVID-19 semakin teruk dan berlarutan mereka akan ditidurkan. Berbekalkan oksigen yang disalurkan, mereka hanya berharap kepada Allah yang Maha Esa untuk melihat hari esok. Kesannya, emosi mereka akan kurang stabil dan minda mereka akan terganggu. Bukan pesakit COVID-19 sahaja akan mengalami keadaan tersebut malah, keluarga dan barisan hadapan yang terlibat sama akan merasai tempias tersebut. Sekiranya emosi tidak dikawal, mereka akan menjadi semakin parah dan tidak keruan meneruskan hidup dalam keadaan sebegini.

Impak psikologi perlu diberi perhatian dalam menghadapi ancaman wabak COVID-19 ini. Perasaan cemas, gemuruh serta sedih ketika menghadapi tekanan adalah sebahagian dari kehidupan terutamanya ketika berhadapan pandemik COVID-19 ini. Namun keadaan tekanan ini akan menjadi masalah jika ianya berpanjangan atau menjejaskan fungsi harian individu terbabit. Mereka yang menghadapi saat ini perlu mendapatkan penilaian psikiatri untuk lebih stabil. Kesihatan mental adalah sama pentingnya dengan kesihatan fizikal. Oleh itu, pencegahan pada peringkat awal dapat membantu. (KKM, 2021)

2. Fizikal

Fizikal seseorang sangat berkait rapat dengan kesihatan dalaman. Hal ini demikian kerana, badan yang sihat menjadikan seseorang itu dapat berfikir dengan waras dan bijaksana. Namun penularan COVID-19 ini menjejaskan kesemuanya termasuk fizikal manusia kerana tidak dapat keluar dari rumah kerana perlu menjaga jarak dengan individu tau kumpulan masyarakat daripada bersesak-sesak secara berleluasa. Namun begitu, terdapat berbagai carab oleh diatasi untuk mengekalkan fizikal dengan baik.

Biarpun berdepan dengan kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu, hasil kajian Firma Penyelidikan Pasaran, Ipsos Malaysia, mendapati ramai dalam kalangan rakyat Malaysia bersetuju bahawa kunci kepada kebahagiaan hidup adalah kesejahteraan fizikal serta tahap kesihatan yang baik. Hasil kajian yang dijalankan terhadap 500 responden itu mendapati 55 peratus daripada rakyat Malaysia bersetuju bahawa kesejahteraan fizikal serta tahap kesihatan yang baik adalah kunci

kebahagiaan dalam kehidupan. Malah, kajian yang dijalankan dari 24 Julai hingga 7 Ogos itu juga mendapati sebanyak 56 peratus daripada responden mengakui bahawa mereka tidak aktif secara fizikal, sejak penularan COVID-19. Daripada jumlah itu, 9 peratus juga mengaku tidak melakukan sebarang aktiviti fizikal susulan penularan virus pembunuh itu. (Afiq Ariffin, 2020)

Keadaan pandemik yang berlaku memerlukan individu duduk di rumah dan mengurangkan aktiviti sosial di luar. Oleh itu, setiap individu sangat perlu untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat. Ini termasuklah menjaga corak tidur, mengamalkan pemakanan yang sihat dan seimbang serta melakukan aktiviti senaman dan latihan fizikal. Cadangan jangka masa untuk tidur dalam 8 hingga 10 jam sehari bagi mendapatkan rehat yang mencukupi. Susun atur ruang tidur perlu kemas, bersih dan tidur dalam keadaan suhu yang bersesuaian. Kajian dari Morgan et al., (2011) menyatakan, corak tidur yang sihat atau *sleep hygiene* memberi impak yang besar terhadap kesihatan psikologi. Persekitaran yang menyenangkan dan perkara yang dilakukan sebelum tidur seperti menutup telefon bimbit atau menukar mod senyap, tidur dalam suasana gelap, tidak melakukan kerja pejabat atau sekolah di tempat tidur dan sebagainya membantu meningkatkan kualiti dan kepuasan tidur (Abdul Rashid, Norhafizah & Hamizah et al, 2020).

Aktiviti fizikal dan senaman juga amat penting untuk menjamin kesihatan mental yang optimum. Senaman memberikan banyak kebaikan bukan sahaja kepada keadaan fizikal, malah kesihatan mental dan emosi yang lebih terkawal. Banyak kajian telah dijalankan berkaitan manfaat aktiviti fizikal dan riadah. Selain memberikan kecergasan badan, aktiviti fizikal juga menyumbang kepada peningkatan imej sendiri dan keyakinan diri, sekali gus meningkatkan kualiti cara berfikir dan menstabilkan emosi. Latihan fizikal seperti senamrobik, berjoging, berbasikal, mendaki gunung dan sebagainya mampu melahirkan mood atau emosi positif dan meningkatkan daya kognitif bagi orang dewasa. (Abdul Rashid, Norhafizah & Hamizah et al, 2020)

3. Rohani

Berada dalam keadaan sakit dan berpenyakit akan mewujudkan implikasi sosial, fizikal dan juga rohani yang saling memberikan kesan. Oleh itu, sakit bukanlah hanya dimensi secara fizikal, namun juga sebagai dimensi psikologi dan sosial yang perlu difahami bersama. Contoh nyata yang berlaku pada masa kini iaitu kesan daripada ancaman pandemik virus COVID-19. Pesakit yang disahkan positif virus COVID-19 akan didapati sangat digeruni oleh orang lain kerana cetusan emosi yang teramat bimbang akan tersebarinya jangkitan yang berbahaya, apatah pula penyakit tersebut boleh mengancam nyawa dalam satu garis masa yang tiada ketentuan (Firdaus, 2020).

Tambahan pula, kesihatan rohani sedikit sebanyak akan menjejaskan kesihatan yang lainnya jika tidak dapat dikawal. Manusia perlu diberikan kata-kata pendorong, sebab untuk terus hidup dan semangat yang lahir dari jiwa yang tersepit untuk bangkit dari virus yang tidak kelihatan itu. Manusia perlu bergantung sepenuhnya kepada Sang Pencipta untuk terus kuat menentang virus COVID-19 ini dengan kekuatan rohani di samping usaha dari segenap sudut yang lainnya.

Manusia sememangnya mempunyai naluri untuk mempertahankan diri daripada apa sahaja ancaman bahaya. Pandemik virus COVID-19 membuktikan daya tahan kebanyakan manusia adalah masih di paras normal bagi memastikan kelangsungan hidup dengan tindak tanduk kepatuhan kepada ketetapan pihak

berwajib dan barisan hadapan kesihatan dalam memutuskan rangkaian wabak COVID-19 (Sarawati & Isa et al, T.Th)

Kesihatan rohani bukan sekadar kata-kata pendorong daripada orang terdekat sahaja tetapi individu mahupun mereka yang menghadapi penyakit tersebut perlu melakukan ibadah rutin dan sunat sehari-harian untuk mengekalkan kekuatan dalaman yang padu daripada Allah SWT. Dengan ini hari demi hari mereka tidak kosong dengan harapan yang hanya penuh tanda tanya sahaja.

Sehubungan dengan itu, pakar psikologi klinikal dari Universiti Harvard iaitu Luana Marques dengan mengatakan bahawa apabila seseorang memikirkan sesuatu peristiwa yang traumatik, individu itu bukan sahaja memikirkan tentang kejadiannya secara spesifik, namun lebih kepada membuat pelbagai pentafsiran masing-masing dan memikirkan punca ia berlaku kepada dirinya. Situasi itu turut boleh melanda petugas-petugas kesihatan yang berada di barisan hadapan, dan individu-individu yang pernah kehilangan kekal orang-orang tersayang kesan daripada pandemik COVID-19. Malah kebarangkalian menjadi lebih kronik bagi individu-individu yang memang pernah melalui sejarah masalah kesihatan mental yang lain seperti kemurungan, kebimbangan atau trauma dengan pengalaman lalu yang tragis (Sarawati & Isa et al, T.Th).

4. Jasmani

Fizikal dan mental merupakan suatu perkara yang tidak dapat dipisahkan sama ada untuk meningkatkan atau memeliharanya. Keadaan fizikal merupakan perkara yang penting dalam kehidupan setiap masyarakat untuk melaksanakan aktiviti fizikal dalam kehidupan seharian. Salah satu cara untuk memaksimumkan kesihatan adalah dengan menjaga kesihatan jasmani. Jika seseorang itu aktif dalam aktiviti fizikal maka seseorang itu mampu menjalani kehidupan seharian tanpa melampaui batas daya tahan dan memiliki tubuh yang sihat serta tidak berisiko untuk mendapat penyakit (Baiq & Herdiana, 2020).

Pandemik COVID-19 memberi impak yang amat besar kepada kesihatan mental setiap individu di seluruh dunia dan tidak terkecuali rakyat Malaysia. Seseorang individu berisiko tinggi untuk mengalami masalah kesihatan mental termasuk kemurungan terutama ketika berada di dalam keadaan stress yang melampau dan isolasi daripada rangkaian sokongan keluarga dan sahabat handai. Sekiranya kemurungan ini gagal dikenal pasti dan dirawat dengan baik, ianya boleh meningkatkan risiko tingkah laku bunuh diri (MHSPSS, 2021)

Sumber daripada Polis Diraja Malaysia mendapati, terdapat peningkatan dalam kes bunuh diri yang dilaporkan pada tahun 2020 iaitu sebanyak 631 kes berbanding 609 kes pada tahun 2019. Sehingga Mac 2021, sejumlah 336 kes bunuh diri telah dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (MHSPSS, 2021)

5. Akhlak

Fenomena yang terjadi pada masa pandemik ini, mengakibatkan pendidikan terlaksana secara dalam talian tanpa adanya pengawasan langsung dari seorang pendidik, hal tersebut memungkinkan pelajar akan bertindak luar kebiasaan, baik bagi dirinya sendiri atau lingkungan sekitarnya. Jika proses pembelajaran pendidikan akhlak terus dilaksanakan secara dalam talian tanpa dibantu oleh ibu bapa maka akan berlaku perlakuan-perlakuan yang luar jangkaan secara drastik. Hal ini demikian

kerana seorang anak bukan mudah untuk dididik dengan hanya pendidikan di rumah saja dengan menggunakan alat komunikasi telefon pintar. Oleh sebab itu, pelajar memerlukan pendidikan akhlak daripada pelbagai pihak seperti ibu bapa dan pendidik sesuai dengan tempat mereka menuntut ilmu (Ilham & Muslih, 2021).

Jika akhlak dilihat dari sudut masyarakat umum pula, pada saat negara berdepan dengan ujian ini ada pula sesetengah anggota masyarakat yang dilihat mementingkan diri sendiri dan tidak menjaga akhlak dengan baik. Mereka membeli barang lebih daripada keperluan. Akhirnya orang kemudian tidak dapat membuat pembelian atau terpaksa menunggu stok barangan baharu sampai di kedai. Perbuatan tersebut jelas menunjukkan hilangnya sikap bertimbang-rasa dalam diri. Islam menggesa setiap umatnya menyebarkan kasih sayang. Orang yang memiliki sifat kasih sayang sesama manusia tidak akan tergamak melihat orang lain berada dalam kesusahan. Malah, orang yang memiliki sifat kasih sayang akan menghulurkan bantuan kepada orang lain tanpa mengharapkan balasan (Shahrizal, 2020).

Demikianlah, berlakunya pandemik ini masyarakat menjadi semakin tidak keruan dengan kehidupan seharian. Mereka lebih mementingkan diri sendiri, memencilkan diri, tidak mahu memberi kerjasama dengan sebaiknya malah mengeluarkan kata-kata yang tidak sepatutnya dikeluarkan dan dihamburkan kepada orang lain. Ini menandakan akhlak semakin luntur dalam diri masyarakat pada masa kini.

6. Penghayatan ilmu

Sejak era globalisasi ini timbul pelbagai alatan elektronik yang begitu canggih sehingga ilmu boleh dicari hanya dengan hujung jari sahaja. Masyarakat memperoleh ilmu dengan sangat mudah. Namun begitu, penghayatan ilmu kepada generasi kini tidak secekal mereka yang hidup pada zaman yang tidak menggunakan kemudahan internet. Manusia menjadi semakin senang dan selesa dengan kemudahan yang ada.

Sejarah telah membuktikan bahawa perindustrian dan perkembangan teknologi mampu mengubah sesebuah masyarakat. Perkembangan teknologi terutamanya evolusi internet telah mencabar konsep dan teori pendidikan tradisional, terutamanya terhadap konsep bilik darjah serta metod pengajaran dan pembelajaran. Metode pembelajaran pada masa kini telah banyak berubah kepada corak pembelajaran secara dalam talian. Ia juga dikenali sebagai online learning ataupun *e-learning* yang membawa maksud kaedah mengajar yang memudahkan bahan pengajaran disampaikan kepada siswa (pelajar) dengan menggunakan media internet, intranet atau media jaringan komputer lain. (Anuar, Azman, Zainora. 2020)

Dalam suasana dunia termasuk negara kita yang masih menghadapi ancaman pandemik COVID-19, mahu atau tidak, kaedah pengajaran dan pembelajaran terpaksa berubah daripada kaedah pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran secara dalam talian. Sekiranya sebelum ini kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ini bukanlah medium utama dalam pembelajaran, namun pada ketika ini, kita tiada pilihan lain selain melaksanakannya di peringkat sekolah rendah, menengah sehinggalah di institusi pengajian tinggi sebagai suatu norma atau kelaziman baharu. Dalam pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian, sebagaimana pembelajaran secara bersemuka, adab dan etika pembelajaran juga perlulah difahami dan diikuti oleh setiap pelajar bagi memastikan proses menuntut ilmu dapat dilaksanakan dengan baik dan mencapai objektifnya (Hasnizam, 2020)

Kegagalan menerapkan kefahaman mengenai adab atau etika yang baik semasa sesi pembelajaran secara dalam talian serta keperluan mempraktikkannya akan mengundang suasana tidak harmoni sekali gus akan mengganggu keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. (Hasnizam, 2020)

Sungguhpun begitu, menuntut ilmu perlu pada penghayatan ilmu dengan sebaiknya. Ia tidak cukup hanya sekadar menghadiri kelas pada waktu ditetapkan sahaja namun pelajar perlu menitik beratkan elemen yang penting sebelum, semasa dan selepas sesi untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Ilmu yang diserap perlu dengan keadaan yang suci kerana sifat ilmu adalah suci dan murni.

7. Hubungan antarabangsa secara normal

Umum mengetahui bahawa, sejak pandemik COVID-19 ini banyak perkara terbatas kepada kita dan memerlukan prosedur yang pelbagai untuk menyelesaikan beberapa perkara. Begitu juga dengan hubungan antarabangsa dari segenap bidang secara normal. Banyak program dan aktiviti perlu dilakukan secara dalam talian sahaja. Pelajar yang melibatkan diri di peringkat antarabangsa juga perlu bersiap sedia dari segi ilmu pengetahuan sahaja tanpa memikirkan hal-hal berkaitan dengan kewangan untuk ke luar negara dan sebagainya. Dari satu sudut ia memberi kelebihan kepada kita untuk tidak mengeluarkan sebarang kos namun pengalaman mengembara tidak dapat dinikmati.

Begitu juga dengan sektor lain. Mereka berhadapan dengan pelbagai rintangan yang memerlukan banyak cara penyelesaian untuk menyelesaikan masalah negara yang kian merosot. Mereka yang bekerja juga diberhentikan kerana tidak dapat ditanggung oleh majikan. Syarikat pengeluaran terpaksa ditutup kerana tidak dapat menyediakan bekalan dari luar negara dan sebagainya.

Pada 24 Mac 2020, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) mengeluarkan suatu dapatan kajian yang menunjukkan anggaran KDNK Malaysia bagi tahun 2020 akan menguncup dari 4.0% kepada negatif 2.9%. Bukan itu sahaja, bahkan MIER juga menganggarkan sebanyak 2.4 juta pekerja akan hilang pekerjaan yang mana 67% dalam kalangan mereka adalah kategori pekerja tidak mahir. Jangkaan ini bertepatan dengan anggaran awal Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) yang menunjukkan peningkatan pengangguran dan kekurangan pekerjaan yang ketara ketika krisis melanda. (Asyraf Salleh, 2020)

Di peringkat global, sebanyak 25 juta pekerjaan yang melibatkan seramai 2.7 billion pekerja terjejas akibat krisis ini. Secara statistiknya, empat sektor yang paling terjejas di peringkat global adalah sektor makanan dan penginapan (144 juta pekerja), sektor runcit dan borong (482 juta), sektor perkhidmatan dan pentadbiran perniagaan (157 juta) dan sektor pembuatan (463 juta). (Asyraf Salleh, 2020)

KESIMPULAN

Kesimpulannya, wabak ini banyak memberi kesan yang mendalam kepada seluruh dunia. Wabak ini bukan sahaja meragut cinta di kalangan keluarga, bangsa dan negara namun ia juga mampu meragut nyawa yang begitu ramai dalam sekelip mata dengan izin-Nya. Kesan wabak sejak 2019 ini membuka mata semua bahawa Allah SWT sahaja tempat bergantung dan tempat memohon pertolongan. Virus yang kecil lagi tidak kelihatan itu mampu menghuru hara kan manusia dengan sekelip mata dengan izin-Nya. Namun, kita sebagai hamba-Nya tetap perlu percaya bahawa apa yang

berlaku terdapat hikmah yang tersembunyi yang belum dirungkaikan pada masa kini. Hanya usaha dan tawakal boleh dibuat pada masa kini agar wabak yang meragut cinta ini dapat dileraikan dari muka bumi.

Cabaran yang bertali arus dari wabak COVID-19 ini menjadi asas kukuh kepada pembentukan kekuatan diri yang mantap, tahan diuji dan tabah menempuh arus perubahan sekiranya aspek pemikiran dan emosi positif seperti bahagia dan tenang dalam memacu kesejahteraan sendiri dicapai. Seharusnya setiap individu, mengambil iktibar dan pengajaran dari apa yang berlaku sepanjang kehadiran wabak COVID-19 ini dan berusaha menghayati serta memastikan aspek emosi, pemikiran, tindakan dan spiritual serta cara hidup keseluruhannya berada dalam keadaan yang baik bagi melalui fasa sukar wabak ini dengan jayanya sekali gus menjadikan seseorang itu memiliki jati diri yang kental, ketahanan (resilience) dalaman dan luaran yang kukuh, elemen adaptasi (adaptability) dan dinamik dengan perubahan supaya tidak mudah terkesan dengan apa jua keadaan atau musibah yang berlaku (Abdul Rashid, Norhafizah & Hamizah et al, 2020).

RUJUKAN

Al-Quran

- Abdul Rashid, Norhafizah & Hamizah. 2020. Wabak Covid-19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu. *International Journal of Social Science Research* 2(4). Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai. https://www.researchgate.net/publication/349098547_WABAK_COVID-19_PENGURUSAN_ASPEK_KESIHATAN_MENTAL_SEMASA_NORMA_BAHARU
- Afiq Ariffin. 2020. *Kesejahteraan fizikal, kesihatan adalah kunci kebahagiaan hidup rakyat Malaysia - Kajian Ipsos*. Kuala Lumpur. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesejahteraan-fizikal-kesihatan-adalah-kunci-kebahagiaan-hidup-rakyat-malaysia-kajian-ipsos-262683> [Diakses pada 28/9/2021]
- Anuar, Azman & Zainora. 2020. Pembelajaran Ilmu Tajwid Secara Dalam Talian Di Era Covid-19: Satu Tinjauan Menurut Perspektif As-Sunnah. *Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020*. FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Azman & Syed Salim. 2021. *Pandemik COVID-19: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Masalah Pembelajaran Di Malaysia*. Vol. 5. Universiti Sains Islam Malaysia
- Asyraf Salleh. 2020. *The Great Lockdown: Unjuran Baharu Ekonomi Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Baiq, Herdiana, Laras & Hunaepi. 2020. Peningkatan Kebugaran Jasmani Masyarakat Komplek Halmahera Rembiga Kota Mataram di Era New Normal. *Jurnal Pemberdayaan Masyarakat Berkarakter* 3(2): 231-238
- Berita harian Online. 2021. Masyarakat penting diri punca kes COVID-19 makin tinggi pentingkan diri. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2021/02/783199/masyarakat-penting-diri-punca-kes-covid-19-makin-tinggi> [Diakses pada 8/6/2021]

- Fahmi. 2020. Irsyad Al-Fatwa Siri Ke- 498: Hukum Menjauhkan Diri Dari Pesakit Yang Menghidap Penyakit Berjangkit.
<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4568-irsyad-al-fatwa-siri-ke-527-isu-tempat-solat-sepanjang-tempoh-perintah-kawalan-pergerakan-pkp> [Diakses pada 24/9/2021]
- Firkhan Ali. 2021. Revolusi Perindustrian Keempat mendepani cabaran era pandemic. Univeristi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
<https://news.uthm.edu.my/ms/2021/02/revolusi-perindustrian-keempat-mendepani-cabaran-era-pandemik/> [Diakses pada 28/9/2021]
- Forum Konvensyen Murabbi Peringkat Nasional. 2021. Cabaran Norma Baru Pendidikan Agama Islam Dalam Situasi Pandemik Masa Kini. Putrajaya
- Hasnizam Hashim. 2020. Adab Tuntut Ilmu Walau Belajar Secara Dalam Talian.
<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1870416>
- Ilham & Muslih. 2021. Jurnal Implementasi Pendidikan Akhlak bagi Mahasiswa di Masa Pandemi Covid-19. 5(1): 2580-3999
- Mental Health Psychosocial Support Services (MHPSS). 2021. Kesihatan Mental Dan Sokongan Psikososial Ketika Pandemik Covid-19. Kementerian Kesihatan Malaysia. <https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2021/06/mhpss-kesihatan-mental-dan-sokongan-psikososial-ketika-pandemik-covid-19> [Diakses pada 27/9/2021]
- Meen. 2020. Ketahui Maksud Endemik, Epidemik Dan Pandemik. Sinar harian Online. <https://sinarplus.sinarharian.com.my/fyi/ketahui-maksud-endemik-epidemik-dan-pandemik/> [Diakses pada 24/9/2021]
- Mufti Wilayah. 2020. Irsyad al-Fatwa siri ke-527: Isu tempat solat sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP).
<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4568-irsyad-al-fatwa-siri-ke-527-isu-tempat-solat-sepanjang-tempoh-perintah-kawalan-pergerakan-pkp>
- Munawar. 2017. Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Penyelidikan Pengajian Islam. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor.
- MyMetro. 2020. Covid-19: PRN Sabah sumbang penularan gelombang ketiga [METROTV].
<https://www.hmetro.com.my/utama/2020/10/632093/covid-19-prn-sabah-sumbang-penularan-gelombang-ketiga-metrotv>. [Diakses pada 14/6/2021]
- Sarawati & Isa. T.Th. *Krisis Impak Pandemik Covid-19 Dari Dimensi Dan Perspektif Kesihatan Mental Sejagat*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Sinar Harian Oline. 2021. Tiada lebih penting dari nyawa.
<https://www.sinarharian.com.my/article/142591/KHAS/Pendapat/Tiada-lebih-penting-daripada-nyawa>. [Diakses pada 8/6/2021]
- Shahrizal Nasir. 2020. Perilaku baik mendepani wabak.
<https://www.hmetro.com.my/addin/2020/03/557429/perilaku-baik-mendepani-wabak> [Diakses pada 28/9/2020]
- Taufiq. 2020. *Kesan COVID-19 kepada manusia dan alam*.
<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1842582> [Diakses pada 26/9/2021]

UPM. 2020. Apa itu COVID-19.

https://sgs.upm.edu.my/artikel/covid_19_apa_itu_covid_19-58177 [Diakses pada 21/6/2021]

Zafrul. 2020. Tinjauan Ekonomi 2021. Kementerian Kewangan Malaysia, Putrajaya

Zulkifli. 2020. Soal Jawab Fiqh Covid-19. <https://mira.gov.my/wp-content/uploads/2020/06/Fiqh-Covid-19.pdf> [Diakses pada 24/9/2021]